



**جامعة السلطان الشري夫 علي الإسلامية**  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

**Kod Kursus : SP 5302**

**Nama Kursus : Usul Fiqh**

**Peringkat Kursus : Diploma Lepas Ijazah**

**Masa : 3 jam**

#### **Nota :**

**Jawab Soalan Wajib dan jawab Empat (4) daripada Soalan Pilihan**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Wajib (14 markah)**

Ilmu Usul Fiqh pada bahasa boleh didefinisikan sebagai asas, kaedah atau dalil. Bincangkan perkara berikut sebagaimana yang telah awda pelajari dalam kursus ini:

- i. Definisi Ilmu Usul Fiqh pada Istilah. **(3 Markah)**
- ii. Faedah yang awda dapati daripada mempelajari Ilmu Usul Fiqh. **(3 Markah)**
- iii. Metod penulisan Ilmu Usul Fiqh yang diikuti oleh para ulama dan sebutkan dua kitab yang masyhur bagi setiap golongan tersebut. **(5 Markah)**

### **Pilih Empat (4) soalan sahaja dari soalan-soalan berikut:**

#### **Soalan Pertama (9.5 Markah)**

- a) Jelaskan maksud perkara-perkara berikut: **(6 Markah)**
- i. Hukum Taklifi
  - ii. Hukum Wad'i
  - iii. Sebab
  - iv. Mani'
  - v. Shart
  - vi. Rukun

- b) (Puasa bulan Ramadhan adalah wajib – Murtad – Anak bulan Ramadhan dapat dilihat – menahan diri dari terbit Fajar Sadiq hingga terbenam matahari – Tiada keuzuran seperti sakit yang boleh mendatangkan mudharat yang besar)

Kemudian tentukan hukum di atas sama ada ia Hukum Taklifi, Sebab, Mani‘, Shart atau Rukun. (3.5 Markah)

### **Soalan Kedua (9.5 markah)**

Lafaz al-Khas itu terbahagi kepada al-Amr, al-Nahy dan al-Mutlaq dan al-Muqayyad. Bincangkan perkara berikut:

- a) Pendapat ulama Usul Fiqh dalam kaedah “**Asal al-Amr menunjukkan Wajib**”. (4.5 Markah)
- b) Jelaskan jenis dan maksud al-Amr dalam ayat-ayat berikut: (5 Markah)

- i. Firman Allah:

﴿... وَإِذَا حَلَّتُمْ فَاصْطَادُواً ...﴾

maksudnya :

“Dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu....”

- ii. Firman Allah:

﴿أَدْخُلُوهَا بِسْلَامٍ إِنَّمَا يَنْهَا مُشْرِكُونَ﴾

maksudnya:

“(Mereka dipersilakan oleh malaikat dengan berkata)” Masuklah kamu ke dalamnya dengan selamat sejahtera serta beroleh aman.”

iii. Firman Allah:

 يَتَأْلِمُهَا الْأَذْيَرُ . إِنَّمَا تَدَأْيُنُكُمْ بِمَا يَنْهَا إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَآتُهُمْ تِبْيَوْهُ ...

maksudnya:

*"Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu...."*

iv. Firman Allah:

 أَعْمَلُوا مَا شِئْتُمْ إِنَّهُ ...

maksudnya:

*"(Katakanlah kepada orang-orang yang menyeleweng itu) Buatlah apa yang kamu suka ... "*

v. Firman Allah:

 فَقُلْنَا لَهُمْ كُونُوا قِرَدَةً خَسِيعِينَ ...

maksudnya: . . .

*"Lalu kami berfirman kepada mereka "Jadilah kamu kera yang hina".*

### Soalan Ketiga (9.5 markah)

Al-Naskh pada Bahasa membawa pelbagai maksud antaranya: penghapusan, berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat yang lain dan perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain. Bincangkan perkara berikut sebagaimana yang awda pelajari melalui kursus ini:

- a) Definisi al-Naskh pada Istilah ulama Usul Fiqh. (3 Markah)

- b) Cara berlakunya al-Naskh dengan mendatangkan contoh bagi setiap bahagian. (3.5 Markah)
- c) Hikmah daripada berlakunya al-Naskh. (3 Markah)

#### **Soalan Keempat (9.5 markah)**

Al-Qiyas boleh didefinisikan sebagai menzahirkan persamaan sesuatu perkara yang tidak ada nas tentang hukumnya dengan sesuatu perkara yang ada nas tentang hukumnya kerana kedua-duanya mempunyai persamaan pada illah atau sebab pada hukum. Bincangkan perkara berikut sebagaimana yang telah awda pelajari dalam kursus ini:

- a) Maksud al-Qiyas al-Kafiy dan al-Qiyas al-Jaliy. (3.5 Markah)
- b) Bagaimana proses Qiyas boleh dilaksanakan dengan menerangkan rukun-rukun yang perlu disempurnakan untuk memperolehi suatu hukum Fiqh menerusi kaedah ini. (6 Markah)

#### **Soalan Kelima (9.5 markah)**

Qawa'id Fiqhiyyah ialah Kaedah Fiqh dalam undang-undang Islam yang menjadi asas untuk memahami dan mengembangkan Fiqh Islam tentang kaedah-kaedah umum. Bincangkan kaedah Fiqh berikut dan pendapat awda hendaklah dengan disokong dengan contoh-contoh:

- a) Maksud kaedah Usul Fiqh yang ada kaitan dengan “**Yakin Tidak Dihilangkan Dengan Adanya Keraguan**” dan dalil-dalil yang menunjukkan berlakunya kaedah ini. (5 Markah)
- b) Berikan tiga (3) pecahan daripada kaedah tersebut. (4.5 Markah)